

MASKULIN

- DEHIDRASI BAWA MAUT!
- 5 CARA ELAK BAU MULUT
- DERITA SAKIT ULU HATI KETIKA BERPUASA

PENCARIAN LELAKI
TAKRIF TERKINI LELAKI MUDA
MASKULIN
2013/2014

TRANSFORMASI
GAYA HIDUP SIHAT

**AQASHA
SEIN
ZUL ARIFFIN
& ZAIN**

FORMULA
DR.AZIZAN
7 LANGKAH UBAH
HIDUP BIASA JADI
LUAR BIASA

UBAH STAIL
TAMPIL HEBAT

15
AKSESORI
KULIT
WAJIB MILIK

HAK EKSKLUSIF & VERSATIL
Shahruizy Sami

MENANGI!

- BAUCAR TUMMY SCULPTING TREATMENT BERNILAI RM500 • BAUCAR KASUT EVERLAST BERNILAI RM150 • BARANGAN FILEM THE LONE RANGER
- PELUANGIFTAR DI MAKAN-MAKAN COFFEE HOUSE, HOTEL ROYAL KL

ISSN 1675-0497



9 771675 049052

maskulin.karangkraf.com




CITIZEN

Bersamaan dengan Baselworld 2013, Citizen menampilkan rangkaian rekaan jam tangan dan berinovasi terkini. Reka bentuk eksklusif dilengkapi seni pemasangan menggunakan perhubungan simbiotik di antara masa dan cahaya. Berkonseptan teknologi Eco-Drive, ia menggunakan sumber cahaya untuk menjana pergerakan. Dua model mencerminkan kemegahan yang dihasilkan adalah Eco-Drive Satellite Wave -Air dan Eco-Drive Altichron -Cirrus. Koleksi terkemuka Citizen yang menjadi idaman golongan profesional dan mengetengahkan interpretasi terbaru teknologi serta kecanggihan reka bentuk Eco-Drive.

ROYAL SELANGOR

Royal Selangor menghasilkan koleksi loket terbaru dalam usaha menyokong seni persembahan tempatan. Rangkaian loket pewter ini diilhamkan oleh enam orang artis Malaysia dengan kerjasama Kakiseni. Kesemua rekaan ini dihasilkan dalam edisi terhad pada seribu keping bagi setiap reka bentuk. Ia dijual di pasaran pada harga RM 200 setiap satu. Dengan RM 50 akan disumbangkan kepada pelbagai organisasi terpilih. Koleksi ini boleh didapati di kedai Royal Selangor dan pengedar yang mengambil bahagian serta pembelian secara online di royalselangor.com.



BIEM

Biem memperkenalkan himpunan terbaru yang sememangnya bergaya klasik namun tetap diserap dengan sedikit sentuhan moden. Gabungan rona natural dan rona asas seperti merah menyala pastinya mencerminkan gaya jejaka retro. Menariknya rekaan Biem juga menggunakan fabrik mewah untuk memberikan kepuasan dan keserasiaan berganda tatkala menyarungkannya.



HUGO BOSS

Tampil moden dan canggih dengan rangkaian rekaan terbaru Hugo Boss. Jenama ini memperkenalkan beberapa rekaan label Boss Black sempena musim bunga panas 2013. Memfokuskan pada penggunaan fabrik ringan, kebanyakan rekaan Boss Black diperbuat daripada bulu, linen, sutera dan kapas. Miliknya dalam palet pastel merah jambu, biru muda, dan putih hasil gabungan bersama rona tobacco dan mocha.



CHARGERS

Rekaannya menggabungkan elemen urban, 'funky' dan moden, membolehkan jejak memilih helaian yang menepati cita rasa. Mainan rona asas dan menonjol ini mampu meningkatkan gaya kasual harian. Ia tampil penuh maskulin dan bersahaja.

**COLE HAAN**

Cole Haan tampil dengan rekaan terbaru sempena musim bunga/panas 2013. Tampil dengan palet rona menarik dan rekaan yang sangat bergaya, ia bukan sahaja menangkap mata malah memberikan keselesaan apabila menyarungkannya. Menggunakan teknologi Nike Air, rekaan kasut adalah hasil gabungan suede dan separa kulit warna-warni dilengkapi tumit tunggal untuk mencipta ketulusan penggayaan jejak.

**JEEP**

Impikan gabungan rekaan klasik dan urban? Jeep tampil dengan rangkaian terbaru pelbagai potongan dan corak idaman. Rona pilihan jejak urban seperti perang, hijau lumut dan hitam sebagai rona asas, Jeep turut menampilkan palet berlainan untuk mainan gaya klasik diolah kontemporari.

ALFRED DUNHILL

Kini Alfred Dunhill memperkenalkan rangkaian beg kulit terbaru sempena musim bunga panas 2013. Rangkaian diberi nama Saltaire sebagai penghormatan dan penghargaan pertukangan beg berjenama ini. Diperbuat daripada material terbaik lagi berkualiti. Struktur dan rekaan beg ini begitu ringan. Masih mengekalkan kemewahan dan praktikal. Ideal untuk penggunaan setiap hari mahu pun di hujung minggu. Gayakan ia untuk tampil kasual dan rapi.

